



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS RIWAYAT *AL-MUDALLISĪN* DI DALAM *ṢAḤĪḤ IBN ḤIBBĀN*

MOHD NOR ADLI BIN OSMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS RIWAYAT *AL-MUDALLISĪN* DI DALAM *ṢAḤĪḤ IBN ḤIBBĀN*

MOHD NOR ADLI BIN OSMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سولتان ايدريس بن علي
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan).....4..... (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, Mohd Nur Ali bin Osman, 20152001524, FSK (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk Analisis Riwayah at Mudallish bi
Dalam Sahih Ibn Hibban

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Muhammad Rozaimi bin Ramli (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Analisis Riwayah
at-Mudallish bi Dalam Sahih Ibn Hibban

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
Ijazah Doktor Falsafah (SILA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

12/2/2022

Tarikh



Tandatangan Penyelia

Prof. Madya Dr. Muhammad Rozaimi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

Analisis Biwayaf at Mulatig'in
by Bulan Sahih Ibn Hibban

No. Matrik / Matric's No.:

12015200 1334

Sava / I:

Mohd Nou Adli b. Usman

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. **Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek** ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. **Perpustakaan Tuanku Bainun** dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. **Perpustakaan** dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. **Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-**

☐

SULT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

11

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

11

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 17/07/00

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Prof. Madya Dr. Muhammad
Rozaini bin Ramle

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allāh *subḥanahu wa ta`alā* kerana penulisan kajian ilmiah bagi peringkat Ijazah Doktor Falsafah(PhD) telah selamat disempurnakan. Ucapan jutaan terima kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Muhamad Rozaimi bin Ramle dan juga Profesor Madya Dr Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi kerana telah banyak membantu dari segi idea, panduan dan tunjuk ajar di dalam proses menyempurnakan tesis ini. Selain itu ucapan terima kasih juga kepada seluruh kakitangan Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) atas bantuan yang telah diberikan sepanjang tempoh pengajian ini. Juga tidak dilupakan juga kepada ibu bapa, isteri, anak-anak, adik beradik serta rakan-rakan yang telah banyak membantu sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung sepanjang proses penulisan tesis ini.





ABSTRAK

Imām Ibn Ḥibbān adalah salah seorang tokoh dalam ilmu ḥadīth. Antara kitab yang ditulis olehnya adalah *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Dalam kitab tersebut dan juga beberapa kitabnya yang lain seperti *Kitāb al-Thiqāt* dan *Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn*, beliau menyatakan tidak akan berhujah dengan riwayat-riwayat yang bertaraf *al-mudallas*. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa riwayat yang diriwayatkan oleh perawi *al-mudallis* dengan lafaz *‘an‘anah* di dalam kitab ṣaḥīḥnya. Terdapat dua tokoh ḥadīth pada zaman ini iaitu Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī dan Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūt telah mentakhrīj ḥadīth di dalamnya dan hasilnya terdapat 31 ḥadīth yang diriwayatkan oleh perawi *al-mudallis* dengan lafaz *‘an‘anah*. Kajian ini bertujuan menganalisis definisi *al-mudallis* di sisi Ibn Ḥibbān dan juga untuk melihat ketepatan metodologi yang telah digariskan oleh Ibn Ḥibbān sendiri. Kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif yang dilaksanakan melalui kaedah pengumpulan data khususnya dari karya-karya induk ḥadīth dan seterusnya menganalisis data-data tersebut berdasarkan kaedah induktif dan deduktif. Kepentingan pada kajian yang dihasilkan adalah dapat mengetahui tidak semua perkataan *ṣaḥīḥ* pada judul sesebuah kitab menunjukkan ḥadīth-ḥadīth di dalamnya kesemuanya *ṣaḥīḥ*. Kajian ini mendapati definisi *al-tadlīs* di sisi Ibn Ḥibbān merangkumi perawi yang meriwayatkan ḥadīth yang dia tidak dengari daripada guru yang dia pernah bertemu dengannya dan perawi yang meriwayatkan ḥadīth daripada siapa yang hidup sezaman dengannya dengan lafaz seolah-olah pernah bertemu tetapi tidak pernah bertemu. Kajian juga mendapati Ibn Ḥibbān meletakkan syarat dan objektif tertentu untuk memuatkan ḥadīth-ḥadīth daripada perawi *al-mudallis*. Hasil daripada kajian ini mendapati sebanyak 29% atau 9 ḥadīth yang tidak menepati metodologi Ibn Ḥibbān dan selebihnya iaitu 22 ḥadīth atau 71% telah menepati syaratnya. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa Ibn Ḥibbān tidak menepati syaratnya secara keseluruhan di dalam ṣaḥīḥnya.





ANALYSIS OF THE NARRATIONS OF *AL-MUDALLISĪN* IN THE *ṢAḤĪḤ IBN ḤIBBĀN*

ABSTRACT

Imām Ibn Ḥibbān is an authority in several fields of knowledge, predominantly the sciences of ḥadīth. In his works such as *Kitāb al-Thiqāt* dan *Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn*, he mentions that he declines to use narrations of *al-mudallas* grade to substantiate his arguments. However, a number of narrations by *al-mudallis* transmitters; particularly with expression *`an`anah* made the exception into his *ṣaḥīḥ* works. Two prominent ḥadīth scholars in his time namely Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī and Shaykh Shu`ayb al-Arna`ūṭ had assessed the ḥadīths quoted in his *ṣaḥīḥ* works and found 31 ḥadīths narrated by *al-mudallis* transmitters with *`an`anah* expression. This discrepancy is the reason why this research is conducted; that is to analyze the employment of Ibn Ḥibbān's definition methods in his selection of *al-mudallis* ḥadīths. Ibn Ḥibbān defines *al-mudallis* into two categories. Firstly, a transmitter who transmits a ḥadīth previously transmitted by his teacher from whom he does not directly hear or acquire the said ḥadīth although he had met the teacher in his lifetime. While for the second definition, Ibn Ḥibbān describes *al-mudallis* as a transmitter who transmit a ḥadīth from another transmitter whom he had never met but had lived during the former's lifetime, as if they had both met. In addition, this study aims to ascertain the precision of the method utilized by Ibn Ḥibbān. This study applies data collection method from prominent books of ḥadīths and analyze the data based on inductive and deductive methods. The findings of this study affirms that Ibn Ḥibbān does quote narrations wholly from *al-mudallis* transmitters in his works as well as the *matan* of the narrations done meticulously as he had imposed upon himself preconditions and specific purpose on the use of the ḥadīths in dispute. The results of this study found as *do`if*, 29% or a number of 9 ḥadīths do not comply to his method while the rest 22 ḥadīths at 71% do. To summarize, a number of his cited ḥadīths illustrates his non-adherence to his own methods.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI SINGKATAN	xvii
TRANSLITERASI	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Kajian Terdahulu	15
1.8.1 Kajian Terhadap Isu <i>Al-Tadlīs</i>	14
1.8.2 Penulisan Berkaitan Metodologi Imām Ibn Ḥibbān	22
1.8.3 Penulisan Berkaitan <i>Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān</i>	27





1.9	Metodologi Kajian	30
1.9.1	Metode Pengumpulan Data	30
1.9.2	Metode Menganalisis Data	34
1.10	Kerangka Konseptual	39
1.11	Kesimpulan	41

BAB 2 IMĀM IBN ḤIBBĀN DAN ṢAḤĪḤ IBN ḤIBBĀN

2.1	Pengenalan	42
2.2	Biografi Imām Ibn Ḥibbān	40
2.2.1	Nama Dan Madhhab	41
2.2.2	Kelahiran dan Latar Belakang Keluarga	45
2.2.3	Pengembaraan Ilmu Imām Ibn Ḥibbān	46
2.2.4	Murid-Murid Imām Ibn Ḥibbān	50
2.2.5	Cabaran Imām Ibn Ḥibbān	54
2.2.6	Pujian Para Ulama Terhadap Ibn Ḥibbān	58
2.2.7	Kitab-Kitab Karangan Ibn Ḥibbān	60
2.2.8	Kewafatan Ibn Ḥibbān	61
2.3	<i>Kitab Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān</i>	62
2.3.1	Latar Belakang Penulisan <i>Kitab Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān</i>	62
2.3.2	Syarat-Syarat Ibn Ḥibbān Menghimpunkan <i>Sanad-Sanad</i> Yang <i>Ṣaḥīḥ</i> Dalam Kitabnya	67



2.3.3 Menthiqahkan Perawi <i>Majhūl al-Ḥāl</i>	77
--	----

2.3.4 Kaedah Penyusunan	79
-------------------------	----

2.4 Kesimpulan	82
----------------	----

BAB 3 *AL-TADLĪS* DAN *AL-MUDALLISĪN* PADA PANDANGAN IBN ḤIBBĀN

3.1 Pengenalan	83
----------------	----

3.2 Perbahasan <i>al-Tadlīs</i>	84
---------------------------------	----

3.2.1 <i>Al-Tadlīs</i> Pada Bahasa	84
------------------------------------	----

3.2.2 <i>Al-Tadlīs</i> Pada Istilah	85
-------------------------------------	----

3.2.3 Bahagian <i>al-Tadlīs</i>	87
---------------------------------	----

3.2.4 <i>Tadlīs al-Isnād</i>	88
------------------------------	----

3.2.4.1 Perbahasan Para Ulama	90
-------------------------------	----

a) Golongan <i>al-Mutaqaddimīn</i>	91
------------------------------------	----

b) Golongan <i>al-Muta`ākhirīn</i>	97
------------------------------------	----

3.2.4.2 Penilaian Antara Dua Definisi	105
---------------------------------------	-----

3.2.5 <i>Tadlīs al-Shūyūkh</i>	109
--------------------------------	-----

3.2.6 <i>Tadlīs al-Taswīyāh</i>	113
---------------------------------	-----

3.2.7 Hukum Melakukan <i>al-Tadlīs</i>	118
--	-----

3.2.8 Status Riwayat <i>al-Mudallas</i>	118
---	-----

3.2.9 <i>Al-Tadlīs</i> Menurut Pandangan Imām Ibn Ḥibbān	122
--	-----

3.2.10 <i>Tadlīs al-Isnād</i>	124
-------------------------------	-----

a) Perawi Yang Meriwayatkan Ḥadīth Yang Dia Tidak Dengari Daripada Guru Yang Dia Pernah Bertemu	126
--	-----



b) Perawi Yang Meriwayatkan Ḥadīth Daripada Sesiapa Yang Hidup Sezamannya Tetapi Mereka Tidak Pernah Bertemu, Perawi Berkenaan Meriwayatkan Dengan Lafaz Seolah-Olah Mereka Pernah Bertemu	127
--	-----

3.2.10.1 Hubungkait <i>al-Mursal</i> dan <i>al-Mudallas</i>	129
---	-----

3.2.11 <i>Tadlīs al-Shuyūkh</i>	135
---------------------------------	-----

3.2.12 <i>Tadlīs al-Taswīyah</i>	137
----------------------------------	-----

3.3 <i>Al-Mudallisīn</i> Di Dalam <i>Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān</i>	141
---	-----

3.3.1 `Amrū bin `Abd Allāh al-Sabī`ī Abū Ishāq	141
--	-----

3.3.1.1 Nama	141
--------------	-----

3.3.1.2 Guru	141
--------------	-----

3.3.1.3 Murid	142
---------------	-----

3.3.1.4 Kritikan Ulama	143
------------------------	-----

3.3.1.5 Pandangan Ibn Ḥibbān	146
------------------------------	-----

3.3.2 Ḥabīb bin Abī Thābit	146
----------------------------	-----

3.3.2.1 Nama	146
--------------	-----

3.3.2.2 Guru	146
--------------	-----

3.3.2.3 Murid	147
---------------	-----

3.3.2.4 Kritikan Ulama	147
------------------------	-----

3.3.2.5 Pandangan Ibn Ḥibbān	152
------------------------------	-----

3.3.3 Al-Ḥasan bin Abī Al-Ḥasan al-Baṣrī	152
--	-----

3.3.3.1 Nama	152
--------------	-----

3.3.3.2 Guru	153
--------------	-----

3.3.3.3 Murid	153
---------------	-----



3.3.3.4 Kritikan Ulama	153
3.3.3.5 Pandangan Ibn Ḥibbān	158
3.3.4 Hushaīm bin Bashīr	158
3.3.4.1 Nama	158
3.3.4.2 Guru	159
3.3.4.3 Murid	159
3.3.4.4 Kritikan Ulama	159
3.3.4.5 Pandangan Ibn Ḥibbān	164
3.3.5 Ibn Jurāij	164
3.3.5.1 Nama	164
3.3.5.2 Guru	164
3.3.5.3 Murid	165
3.3.5.4 Kritikan Ulama	165
3.3.5.5 Pandangan Ibn Ḥibbān	173
3.3.6 Muḥammad bin Ishāq bin Yasār	173
3.3.6.1 Nama	173
3.3.6.2 Guru	174
3.3.6.3 Murid	174
3.3.6.4 Kritikan Ulama	174
3.3.6.5 Pandangan Ibn Ḥibbān	178
3.3.7 Al-Mughīrah al-Ḍabbī	179
3.3.7.1 Nama	179
3.3.7.2 Guru	179

3.3.7.3 Murid	179
3.3.7.4 Kritikan Ulama	180
3.3.7.5 Pandangan Ibn Hıbbān	182
3.3.8 Qatādah bin Di`āmah	183
3.3.8.1 Nama	183
3.3.8.2 Guru	183
3.3.8.3 Murid	184
3.3.8.4 Kritikan Ulama	184
3.3.8.5 Pandangan Ibn Hıbbān	187
3.3.9 Sulaīmān al-A`mash	188
3.3.9.1 Nama	188
3.3.9.2 Guru	188
3.3.9.3 Murid	189
3.3.9.4 Kritikan Ulama	189
3.3.9.4.1 Penilaian Riwayat al-A`mash dari Mujāhid	194
3.3.9.5 Pandangan Ibn Hıbbān	198
3.3.10 Al-Walīd bin Muslim al-Qurashī	198
3.3.10.1 Nama	198
3.3.10.2 Guru	199
3.3.10.3 Murid	199
3.3.10.4 Kritikan Ulama	200
3.3.10.5 Pandangan Ibn Hıbbān	203
3.3.11.1 Yaḥyā bin Abī Kathīr	204



3.3.11.1 Nama	204
3.3.11.2 Guru	204
3.3.11.3 Murid	204
3.3.11.4 Kritikan Ulama	205
3.3.11.5 Pandangan Ibn Hıbbān	209
3.4 Kesimpulan	210

BAB 4 METODOLOGI IMĀM IBN HıBBĀN MERIWAYATKAN RIWAYATPERAWI *AL-MUDALLIS*

4.1 Pengenalan	211
4.2 Syarat Imām Ibn Hıbbān Memasukkan Perawi <i>al-Mudallis</i>	212
4.2.1 Perawi <i>al-Mudallis</i> Meriwayatkan Secara <i>Taşrīh Bi al-Sama`</i> Di Dalam <i>Şaḥīḥ Ibn Hıbbān</i> Ataupun <i>Taşrīh Bi al-Sama`</i> Selain Dari Kitab <i>Şaḥīḥ</i> Beliau.	213
4.2.2 Perawi <i>al-Mudallis</i> Tidak Melakukan <i>al-Tadlīs</i> Melainkan Daripada Perawi Yang Dinilai <i>Thiqah</i> .	217
4.2.3 Riwayat Itu Mestilah Dikuatkan Dengan <i>al-Mutāba`at</i> Atau <i>a-Shawāhid</i>	219
4.2.4 Perawi Itu Tidak Menyembunyikan Nama Gurunya Dengan Gelaran Yang Tidak Dikenali.	227
4.3 Objektif Ibn Hıbbān Memasukkan Riwayat <i>al-Mudallis</i> Dalam <i>Şaḥīḥ</i> nya.	229
4.3.1 Objektif Yang Berkaitan Dengan <i>Sanad</i>	230
a) Menolak Dakwaan <i>Tafarrud</i> Perawi Dalam Hıdīth	230
b) Menafikan <i>al-Mudallis</i> Melakukan <i>al-Tadlīs</i>	236



4.3.2 Objektif Yang Berkaitan Dengan <i>Matan</i>	242
a) Berhujah Dengan Riwayat Tersebut	242
b) Untuk Menerangkan Makna Lafaz Pada Ḥadīth Yang Lain	246
c) Mentajrīhkan Sesuatu Pandangan Dengan Riwayat <i>al-Mudallis</i> Apabila Berlaku <i>Khilaf</i>	255
4.4. Kesimpulan	258

BAB 5 ANALISIS ḤADĪTH-ḤADĪTH YANG DINILAI *AL-MUDALLAS* DI DALAM *ṢAḤĪḤ IBN ḤIBBĀN*

5.1 Pengenalan	259
5.2 Analisis Ḥadīth-Ḥadīth <i>al-Mudallas</i>	260
5.2.1 Riwayat Yang Dinilai Dengan <i>Ṣaḥīḥ</i>	261
5.2.1.1 Terdapat Lafaz <i>Taṣrīḥ Bi al-Sama`</i>	262
Ḥadīth Pertama	263
Ḥadīth Kedua	267
Ḥadīth Ketiga	269
Ḥadīth Keempat	272
Ḥadīth Kelima	274
Ḥadīth Keenam	276
Ḥadīth Ketujuh	280
5.2.1.2 Riwayat Yang Mempunyai <i>al-Mutāba`āt</i> Atau <i>al-Shawāhid</i>	282
Ḥadīth Pertama	283

Ḥadīth Kedua 286

Ḥadīth Ketiga 289

Ḥadīth Keempat 290

Ḥadīth Kelima 291

Ḥadīth Keenam 295

Ḥadīth Ketujuh 300

Ḥadīth Kelapan 301

Ḥadīth Kesembilan 305

Ḥadīth Kesepuluh 310

Ḥadīth Kesebelas 313

Ḥadīth Kedua Belas 317

Ḥadīth Ketiga belas 322

Ḥadīth Keempat belas 326

Ḥadīth Kelima Belas 329

5.2.2 Riwayat Yang Mempunyai *ʿIllah al-Tadlīs* 331

Ḥadīth Pertama 332

Ḥadīth Kedua 340

Ḥadīth Ketiga 346

Ḥadīth Keempat 353

Ḥadīth Kelima 357

Ḥadīth Keenam 366

Ḥadīth Ketujuh 373

Ḥadīth Kelapan 381



Ḥadīth Kesembilan	385
5.3 Ketepatan Metodologi Imām Ibn Ḥibbān	388
5.4 Kesimpulan	393
BAB 6 RUMUSAN	
6.1 Kesimpulan	394
6.2 Saranan	397
BIBLIOGRAFI	399



SENARAI SINGKATAN

Bil.	Bilangan
H.	Hijrah
Hlm.	Halaman
Ibid.	Edibem
M.	Masihi
Opcit.	Opera Citato
Sdn Bhd	Sendirian Berhad
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

TRANSLITERASI¹

Arab	Rumi
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	h
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Arab	Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ء	’
ي	y

¹ Berdasarkan Jadual Transliterasi “Roman Transliteration of Arabic Script (ROTAS)” dengan sedikit modifikasi untuk konsonan ط dan ذ. Rujuk International Islamic University Malaysia. (t.t.). Table of Transliteration. Dicapai pada 21 Januari 2017, dari <http://rotas.iium.edu.my/?Table of Transliteration>.





Arab	Rumi
اَ	A
اُ	U
اِ	I
اَ، اِ، اُ	Ā
وْ	Ū
يَ	Ī

Arab	Rumi
اِ، اِ	an
وْ	un
يِ	in
وْ	aw
يَ	ay
وْ	uww, ū (di akhir perkataan)
يَ	iyy, ī (di akhir perkataan)





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Para sahabat ialah golongan yang paling hampir dengan Baginda *ṣallallāhu `alaihī wasallam*, dan mereka menerima didikan agama secara langsung daripada Nabi *ṣallallāhu `alaihī wasallam*. Justeru, mereka adalah suri teladan yang terbaik untuk dijadikan panduan selepas kewafatan Baginda *ṣallallāhu `alaihī wasallam*. Oleh itu, setelah kewafatan Baginda *ṣallallahu `alaihī wasallām* pada tahun ke-11 hijrah, tugas membawa dan menyebarkan agama Allāh *subḥanahu wa ta`alā* terletak sepenuhnya di tangan para sahabat. Para sahabat berjaya menjalankan tugas mereka dengan cukup cemerlang sehingga wilayah Islam berkembang menjangkau ke Cyprus².

² Ibn Kathīr (1981), *Al-Ijtihād fī Ṭalab al-Jihād*. Cetakan Pertama. Beirut. Muassasat Al-Risalah. Hlm 87.





Pembukaan wilayah baharu oleh pemerintah umat Islam berjaya mempengaruhi orang ramai untuk menganut Islam. Lama-kelamaan, pemahaman tentang isi kandungan sebenar agama Islam semakin terhakis akibat *bid'ah*, perkara-perkara *khurafat* dan penyebaran *ḥadīth* lemah dan palsu. Terjadi percampuran antara ajaran tulen yang dibawa oleh Baginda *ṣallallahu `alaīhi wasallām* dengan ajaran palsu, dan masyarakat Islam pada ketika itu perlu merujuk kepada rangkaian *sanad* untuk menentukan ketulenan dan keabsahan ajaran Islam. Kaedah *sanad* ini telah diguna pakai semenjak zaman para sahabat lagi semasa berlaku pertelingkahan antara sahabat Nabi *ṣallallahu `alaīhi wasallām*.

Oleh kerana pengaruh Islam yang semakin meluas dan pertambahan bilangan penganut agama ini yang semakin pesat, golongan pendakwah yang membawa ajaran Islam akan menyandarkan ajaran mereka kepada Baginda *ṣallallahu `alaīhi wasallām* untuk memudahkan proses memahami ajaran Islam. Terdapat beberapa ayat dalam kitab suci al-Qur`ān yang tidak dapat difahami dengan baik melainkan dengan merujuk *ḥadīth* Nabi *ṣallallāhu `alaīhi wasallam*<sup>3</sup>. Disebabkan itu, *ḥadīth* Nabi *ṣallallāhu `alaīhi wasallam* berperanan sebagai pelengkap untuk memahami isi kandungan firman Allāh *subḥanahu wa ta`alā*.

Justeru, jalur rangkaian *sanad* amat diperlukan oleh umat Islam bagi mengelakkan berlakunya pendustaan yang disandarkan atas nama Nabi *ṣallallahu `alaīhi wasallām*.

³ Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (2005). *Manzilah al-Sunnah fī al-Islām*. Cetakan Pertama. Riyadh. Maktabat al-Ma`ārif. Hlm 6.



Lantaran itu, para ulama memberi pandangan masing-masing akan kepentingan *sanad* dalam menyandarkan sesuatu ḥadīth kepada Nabi ṣallallahu `alaihi wasallām.

`Abd Allāh bin al-Mubārak berkata:

"الإسناد من الدين ، و لو لا الإسناد لقال من شاء ما شاء"⁴

Maksudnya:

"*Sanad itu daripada agama, sekiranya tidak terdapat sanad maka orang akan bercakap apa sahaja yang dia mahu*".

Ibn Ḥibbān dalam *Kitāb al-Majrūhīn min al-Muḥaddithīn* telah menaqqalkan ungkapan daripada Sufyān al-Thaūrī berkaitan perkara serupa:

"الإسناد سلاح المؤمن ، إذا لم يكن معه سلاح فبأي شيء يقاتل؟"⁵

Maksudnya:

"*Sanad ialah senjata orang mukmin, apabila tidak terdapat senjata bersamanya maka bagaimana untuk mempertahankan diri?*"

Oleh itu, kajian berkenaan *sanad* ḥadīth adalah penting dan perlu dijalankan untuk mengetahui keabsahan sesuatu sandaran yang dibuat ke atas Nabī ṣallallahu `alaihi wasallām. Kajian ini akan memfokuskan kepada salah satu perbahasan *sanad* ḥadīth iaitu *al-tadlis* yang akan meneliti riwayat perawi *al-mudallis* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

⁴ Uthmān bin `Abd al-Raḥman(1986). *Muqadimah Ibn Ṣolāḥ*.(Tahqiq: Nur al-Dīn `Itir). Syria. Dar al-Fikr. Hlm 150.

⁵ Muḥammad bin Ḥibbān. (2012), *Kitab Al-Majruhin*.(Tahqiq: Ḥamdī `Abd Al-Majīd). Jilid 1.Cetakan Kedua.Riyaḍ. Dar al-Shamī`i. Hlm 45.

1.2 Latar Belakang Kajian

Secara umumnya, sekiranya ḥadīth yang sampai kepada kita pada hari ini ialah ḥadīth yang bertaraf lemah atau *ḍoʿīf*, maka taraf kelemahan sesebuah ḥadīth tersebut perlu diselidiki terlebih dahulu kerana tidak semua ḥadīth yang bertaraf sedemikian boleh digunakan dalam bab kelebihan beramal⁶.

Para sarjana ḥadīth mengklasifikasikan ḥadīth *ḍoʿīf* kepada beberapa pecahan, antaranya ḥadīth *al-munqaʿi*, *al-mudallas*, *al-mursal*, *al-muʿḍal*, *al-muḍṭarib*, *al-shādh* dan berbagai-bagai lagi⁷. Namun demikian, tidak semua kitab ḥadīth itu bebas daripada ḥadīth-ḥadīth yang bertaraf *ḍoʿīf*, termasuklah *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* atau nama

lengkapnya المسند الصحيح على التقاسيم والأنواع من غير وجود قطع في سندها ولا ثبوت جرح في

ناقليها .

Daripada penulisan kitab yang dimulakan oleh Imam Ibn Hibban, terdapat para ilmuwan selepasnya yang mengemas kini kitab tersebut tanpa mengubah inti yang ditulis oleh penulis asal kitab tersebut, sebagai contoh, Ibn Balbān yang telah menyusun kembali ḥadīth-ḥadīth dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

⁶ Ashraf bin Said (2004). *Hukum Mengamalkan Ḥadīth Ḍaʿīf* (Terj; Neni Kurniati). Jakarta. Pustaka Azzam. Hlm 77.

⁷ Muhammad ʿAjjāj al-Khatīb(1989). *Uṣūl al-Ḥadīth wa ʿUlūmuhu wa Muṣṭalahuh*. Lubnan. Dar al-Fikr. Hlm 337.



Pengemaskinian terhadap kitab tersebut tidak terhenti di situ dan diteruskan oleh beberapa ulama selepasnya. Sebagai contoh, pada zaman kontemporari, Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī dan Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūṭ telah mentakhrij ḥadīth-ḥadīth yang terdapat dalam kitab berkenaan dan mendapati sebanyak 31 buah ḥadīth telah dikritik disebabkan jalur pada riwayat tersebut melalui jalur perawi *al-mudallis* yang menggunakan lafaz '*an'anah*'.

Daripada jumlah itu, terdapat 4 riwayat mempunyai yang dikritik oleh Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī, manakala 20 riwayat dikritik oleh Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūṭ. Manakala terdapat 7 riwayat yang dikritik oleh kedua mereka secara bersama. Penilaian ḥadīth-ḥadīth tersebut melibatkan 11 perawi *al-mudallis* yang dinilai oleh Ibn Ḥibbān.



Oleh itu, apabila dilihat kembali perawi-perawi yang melakukan *al-tadlīs* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* ini, penilaian semula perlu dilakukan sama ada para perawi berkenaan benar-benar mendengar dengan jelas ḥadīth daripada guru mereka atau sebaliknya. Justeru, kajian ini akan menganalisis riwayat perawi *al-mudallisīn* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.



1.3 Pernyataan Masalah

Ḥadīth *al-mudallas* adalah salah satu pecahan daripada kategori ḥadīth *doʿif* atau lemah. Kelemahannya adalah disebabkan terdapat perawi dalam rangkaian *sanad* tersebut menyembunyikan nama gurunya⁸. Oleh itu, gugurlah salah satu syarat ḥadīth *ṣaḥīḥ* iaitu *sanad* yang bersambung.

Ulama *al-mutaqaddimīn* dan *al-mutaʿākhirīn* berbeza pandangan dalam mendefinisikan istilah *al-tadlīs*. Para ulama dalam beberapa kitab *Muṣṭolah al-Ḥadīth* tidak bersepakat dalam mentakrifkan isu ini. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti definisi *al-tadlīs* yang dipegang oleh Imām Ibn Ḥibbān. Perbahasan ini penting untuk memastikan sejauh mana definisi *al-tadlīs* yang dipegang oleh Imām Ibn Ḥibbān dalam ṣaḥīḥnya selari dengan definisi *al-tadlīs* yang diberikan oleh ulama ḥadīth lain.

Selain itu, Imām Ibn Ḥibbān juga menetapkan syarat yang jelas dalam memasukkan riwayat perawi *al-mudallis* ke dalam ṣaḥīḥnya. Ini jelas menerusi mukadimah ketiga-tiga kitabnya iaitu *Kitāb al-Thiqāt*, *Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn* dan *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* apabila Imām Ibn Ḥibbān menyatakan bahawa beliau tidak berhujah menggunakan ḥadīth daripada perawi *al-mudallis* melainkan perawi *al-mudallis* tersebut meriwayatkan dengan lafaz *taṣrīḥ bi al-samāʿ* yang menunjukkan bahawa dia mendengar ḥadīth tersebut daripada gurunya.

⁸ Muhammad Abū Layth al-Khayr al-Abādī(2009). *ʿUlūmuh al-Ḥadīth Uṣūuhāwa Maʿāṣurahā*. Cetakan Keenam. Malaysia. Dar al-Syakir. Hlm 173

Imām Ibn Ḥibbān menyatakan dalam *Kitāb al-Thiqāt*:

"يكون في الإسناد رجل مدلس لم يبين سماعه في الخبر من الذي سمعه منه، فإن المدلس ما لم يبين سماع خبره
عمن كتب عنه لا يجوز الاحتجاج بذلك الخبر لأنه لا يدري لعله سمعه من إنسان ضعيف يبطل الخبر بذكره
إذا وقف عليه وعرف الخبر به، فما لم يقل المدلس في خبره وإن كان ثقة سمعت أو حدثني فلا يجوز
الاحتجاج بخبره"⁹.

Maksudnya:

"Dalam sanad-sanad terdapat perawi al-mudallis yang tidak menjelaskan pada sesuatu khabar (riwayat) daripada siapa dia mendengarnya, maka sesungguhnya perawi-perawi al-mudallis selagi mana dia tidak menjelaskan dia mendengar dari gurunya maka tidak diharuskan berhujah dengan khabar tersebut kerana tidak diketahui kemungkinan perawi tersebut mendengar dari gurunya yang *ḍoʿif* (lemah) dan khabar tersebut *bāṭil* dengan menyebut nama gurunya apabila ia dijumpai dan dikenal pasti. Selagi mana perawi al-mudallis tidak menyebut dalam khabar "saya mendengar" atau "dia telah bercerita kepada saya" walaupun dia adalah *thiqah* maka tidak diharuskan berhujah dengan khabarnya".

Teks ini secara jelas membuktikan bahawa Imām Ibn Ḥibbān menganggap perbuatan *al-tadlīs* adalah penyebab kepada *keḍoʿifan* sesuatu riwayat. Ini kerana terdapat ruang untuk perawi *al-mudallis* menyembunyikan guru yang berkemungkinan dinilai sebagai *ḍoʿif*. Perkara ini selari dengan kenyataan Imām Ibn Ḥibbān dalam *Kitāb al-Majrūhīn min al-Muḥaddithīn*:

"الثقات المدلسون الذين كانوا يدلسون في الأخبار مثل قتادة، ويحيى بن أبي كثير، والأعمش وأبي إسحاق،
وابن جريج، وابن إسحاق، والثوري، وهشيم ومن أشبههم ممن يكسر عددهم من الأئمة المرضيين وأهل الورع

⁹ Muhammad bin Ḥibbān(1998). *Kitāb al-Thiqāt*. Jilid 1. Cetakan Pertama. Lubnan. Dar al-Kutub al-Alamiyyah . Hlm 11.

في الدين. كانوا يكتبون عن الكل، ويروون عن سمعوا منه، فرما دلسوا عن الشيخ بعد سماعهم عنه عن أقوام ضعفاء لا يجوز الاحتجاج بأخبارهم، فما لم يقل المدلس وإن كان ثقة: حدثني، أو سمعت فلا يجوز الاحتجاج بخبره¹⁰.

Maksudnya:

"Perawi-perawi *thiqah al-mudallis* yang menyembunyikan (nama guru mereka) dalam khabar mereka umpamanya *Qatādah, Yaḥyā bin Abī Khathīr, al-A'mash, Abī Ishāq, Ibn Juraīj, Ibn Ishāq, al-Thaūrī, Hushaīm* dan seumpamanya dan bilangan mereka banyak, mereka dari kalangan imam yang direḍoi dan ahli wara' dalam agama. Mereka menulis daripada semua guru, meriwayatkan daripada sesiapa yang mereka dengar, serta kadangkala melakukan *al-tadlīs* ke atas guru mereka selepas mendengar daripada guru tersebut (yang terdiri) daripada kalangan kumpulan yang dinilai lemah, (dan) tidak harus berhujah dengan khabar mereka. Selagi perawi *al-mudallis* tidak menyebut dalam khabarnya, walaupun dia adalah *thiqah*, "telah diceritakan kepada aku" atau "aku mendengar", maka tidak diharuskan berhujah dengan khabarnya".

Imām Ibn Ḥibbān menyatakan lagi dalam kitab *ṣaḥīḥ*nya¹¹:

"فإذا صح عندي خبر من رواية مدلس بين السماع فيه، لا أبالي أن أذكره من غير بيان السماع في خبره بعد صحته عندي من طريق آخر".

Maksudnya:

"Apabila *ṣaḥīḥ* kepadaku sesuatu khabar daripada riwayat perawi *al-mudallis* yang menjelaskan bahawa dia mendengar dari gurunya, aku tidak peduli - aku akan menyebutkannya walaupun tanpa dijelaskan perawi itu mendengar dalam khabarnya itu setelah jelas kesahihannya bagi dari jalur yang lain "

¹⁰ Opcit. *Kitāb al-Majrūhīn min al-Muḥaddithīn*. Hlm 86.

¹¹ Muhammad bin Ḥibbān (1997). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*. (Tahqiq: Shu'ayb al-Arna'ūt). Jilid 1. Cetakan Ketiga. Lubnan. Muassasat al-Risalah. Hlm 162.

Imām Ibn Ḥibbān menjelaskan sebab beliau menolak riwayat perawi *al-mudallis* yang dinukil dengan lafaz *al-`an`anah*:

"وأما المدلسون الذين هم ثقات وعدول، فإننا لا نحتج بأخبارهم إلا ما بينوا السماع فيما رووا مثل الثوري والأعمش وأبي إسحاق وأضرهم من الأئمة المتقين، وأهل الورع في الدين، لأننا متى قبلنا خبر مدلس لم يبين السماع فيه — وإن كان ثقة لزمنا قبول المقاطيع والمراسيل كلها لأنه لا يدري لعل هذا المدلس دلس هذا الخبر عن ضعيف يهي الخبر بذكره إذا عرف..."¹²

Maksudnya:

"Adapun perawi-perawi *al-mudallis* yang tergolong daripada kalangan yang *thiqah* dan *`adil*, maka kami tidak berhujah dengan khabar mereka melainkan mereka menjelaskan bahawa mereka mendengar daripada guru mereka, umpamanya *al-Thaūrī*, *al-A`mash*, *Abī Ishāq* dan lain-lain, (iaitu) mereka dari kalangan imam yang bertaqwa, ahli wara` dalam agama, kerana apabila kami menerima khabar *al-mudallis* yang tidak dijelaskan bahawa mereka mendengar daripada guru mereka, walaupun mereka adalah *thiqah*, bermakna kami juga terpaksa menerima riwayat-riwayat *al-munqathi`* dan *mursal* secara keseluruhannya, kerana tidak diketahui boleh sahaja *al-mudallis* ini melakukan *al-tadlis* dalam khabar ini daripada seorang yang *ḍo`īf*, dengan menyebut namanya khabar tersebut menjadi *ḍo`īf* apabila dia dikenali".

Ketiga-tiga kitab ini menjelaskan syarat Imām Ibn Ḥibbān ketika menerima riwayat perawi *al-mudallis*. Namun, terdapat juga kajian yang dihasilkan oleh Muḥammad Abū Su`aylik menegaskan kewujudan beberapa ḥadīth dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* yang dikritik disebabkan *al-mudallas* seperti yang dinyatakan oleh Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī dan Shaykh Shu`ayb al-Arna`ūṭ dalam *takhrīj* mereka¹³.

¹² Ibid. Hlm 161.

¹³ Muḥammad Abū Su`aylik. (1995). *Al-Imām al-Ḥafīz Abī Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustī: Faīlusūf al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*. Dimashq. Dār al-Qalam. Hlm 145.

Muhammad Abū Su'aylik pula menilai *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* dalam konteks yang luas dan tidak hanya terbatas pada riwayat-riwayat *al-mudallas* sahaja, dan hasil penilaian ini, beliau menegaskan bahawa Imām Ibn Ḥibbān tidak menepati syarat yang beliau sendiri gariskan kerana terdapat tiga riwayat *al-mudallas* dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.¹⁴

Oleh itu, secara zahirnya dapat diketahui terdapat pertentangan metodologi yang telah digariskan sendiri oleh Ibn Ḥibbān berkenaan keberadaan beberapa riwayat *al-mudallas* di dalam *ṣaḥīḥnya* yang menunjukkan adakah benar Imām Ibn Ḥibbān tidak menepati syaratnya ataupun mempunyai sebab dan tujuan lain untuk memasukkan riwayat *al-mudallas* ini.

Selain itu, daripada 31 riwayat berkenaan Ibn Ḥibbān juga turut memasukkan beberapa riwayat daripada perawi *al-mudallis* yang lain di dalam *ṣaḥīḥnya*. Maka keberadaan beberapa riwayat itu perlu dinilai apakah syarat-syarat Ibn Ḥibbān memasukkan riwayat-riwayat berkenaan di dalam *ṣaḥīḥnya*. Perkara ini bukanlah sesuatu yang asing kerana apabila menelusuri *Kitāb Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Imām al-Bukhārī tidak menjelaskan secara jelas syarat untuk beliau memasukkan ḥadīth-ḥadīth dalam *ṣaḥīḥnya*. Melalui kajian ḥadīth-ḥadīth dalam *ṣaḥīḥ* tersebut, para ulama dapat merumuskan syarat terperinci untuk *Kitāb Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Hasil penilaian kedua-dua tokoh yang dinyatakan tadi mendapati terdapat sebanyak 31 buah ḥadīth telah dikritik disebabkan terdapat perawi *al-mudallis* yang

¹⁴ Ibid.

meriwayatkan dengan lafaz ‘*an’annah* dan menunjukkan bahawa riwayat-riwayat berkenaan telah berdepan dengan kritikan *al-tadlīs*. Penilaian pada biografi perawi *al-mudallis* dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* dan komentar *nuqqād* terhadap mereka juga perlu dilakukan bagi membandingkan penilaian ahli *nuqqād* dengan pandangan Imām Ibn Ḥibbān terhadap para perawi. Daripada penilaian berkenaan, dapat mengetahui adakah terdapat perbezaan pandangan antara Ibn Ḥibbān dengan ahli *nuqqād* yang lain dalam menilai perawi.

Bagi menggambarkan apa yang telah dinyatakan dalam kajian ini, pengkaji membawa salah satu ḥadīth yang tidak terlepas daripada kritikan oleh Shaykh Nāṣir al-Albānī dan Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūt, Ibn Ḥibbān berkata:

أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحُسَيْنِ بْنِ مُكْرَمٍ بِالْبَصْرَةِ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَلِيٍّ بْنِ بَحْرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ، قَالَ: حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ سِنَانٍ أَبُو سِنَانٍ، عَنْ حَبِيبِ بْنِ أَبِي ثَابِتٍ، عَنْ أَبِي صَالِحٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَجُلًا، قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ الرَّجُلَ يَعْمَلُ الْعَمَلَ وَيُسِرُّهُ، فَإِذَا أُطْلِعَ عَلَيْهِ، سَرَّهُ؟ قَالَ: لَهُ أَجْرَانِ: أَجْرُ السِّرِّ، وَأَجْرُ الْعَلَانِيَةِ¹⁵

Ḥadīth ini dikritik oleh Shaykh Nāṣir al-Albānī dan Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūt kerana Ḥabīb bin Abī Thābit meriwayatkannya dengan lafaz ‘*an’annah* dari Abū Ṣāleh. Persoalannya, bagaimana mungkin Ibn Hibban memasukkan ḥadīth tersebut dalam ṣaḥīḥnya sedangkan ia adalah ḥadīth bertaraf *al-mudallas*? Inilah perkara yang ingin

¹⁵ Ibn Ḥibbān. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān. Kitāb al-Bir wa al-Ihsan, Bab al-Ṣidri wa al-Amru bi al-Ma‘ruḥ wa al-Nahī ‘anil Munkar. Faṣl Dhikru al-Ikhbari ‘an ‘Idadi Allāh Jalla wa ‘Ala li ‘Ibadihi al-Muti‘ina Ma La Yaṣifuhu Hissun Min Hawassihim. Dhikru Kitbatī Allāh Jalla wa ‘Ala Ajra al-Sirri wa Ajra al-‘Alaniyati, Liman ‘Amila Lillahi Ta‘atan fi al-Sir wa al-‘Alaniyati, Fatulī‘a ‘Alaihi Min Ghairi Wujudi ‘Illatin Fihi Inda Dhalika*. Nombor ḥadīth 375. Hlm 99. (Lihat: Opcit. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Jilid 2. Hlm 99)

dirungkaikan dalam kajian ini bagi mencari jawapan atas sebab apa Ibn Ḥibbān memasukkan juga beberapa riwayat yang bertaraf *al-mudallas* di dalam *ṣaḥīḥ*nya. Bagi merungkai jawapan berkenaan, kajian ini akan melihat kepada semua segi iaitu secara zahir pada ungkapan atau menerusi penelitian pada riwayat perawi *al-mudallis* tersebut.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- 1.4.1 Mengenal pasti ketokohan Imām Ibn Ḥibbān dalam dunia ilmu khususnya dalam ilmu ḥadīth dan metodologi penulisan *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.
- 1.4.2 Menganalisis istilah *al-tadlīs* dan perawi-perawi *al-mudallis* dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.
- 1.4.3 Menganalisis metodologi Imām Ibn Ḥibbān ketika berinteraksi dengan riwayat perawi *al-mudallis*.
- 1.4.4 Menganalisis ḥadīth-ḥadīth yang dinilai *al-mudallas* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada persoalan-persoalan berikut:

- 1.5.1 Apakah kedudukan keilmuan Imām Ibn Ḥibbān dan metodologi *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*?
- 1.5.2 Apakah definisi istilah *al-tadlīs* dan siapakah perawi-perawi *al-mudallis* dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*?

- 1.5.3 Apakah metodologi Imām Ibn Ḥibbān ketika berinteraksi dengan riwayat perawi *al-mudallis* dalam ṣaḥīḥnya?
- 1.5.4 Apakah kedudukan ḥadīth-ḥadīth yang dinilai *al-mudallas* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini yang dihasilkan akan menjelaskan kepada para pelajar dan masyarakat secara umumnya, bahawa ḥadīth yang bertaraf *ḍoʿīf* ringgan seperti *al-mudallas* apabila menepati beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh ulama ḥadīth termasuk Ibn Ḥibbān ianya boleh dijadikan untuk beramal dengan riwayat-riwayat berkenaan.

Selain itu juga, tidak semua kitab yang tertera perkataan *ṣaḥīḥ* pada judul sesebuah kitab menggambarkan ḥadīth di dalamnya kesemuanya ṣaḥīḥnya. Situasi ini seperti mana yang telah digambarkan oleh Muḥammad Abū Suʿaylik di dalam *Al-Imām al-Ḥafīẓ Abū Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustī: Faīlusūf al-Jarḥ wa al-Taʿdīl* yang menyatakan bahawa Ibn Ḥibbān tidak menepati syaratnya dan ianya berbeza dengan metodologi yang dinyatakan oleh Ibn Ḥibbān. Maka kajian berkaitan metodologi pada Ibn Ḥibbān perlu dilakukan.

1.7 Batasan Kajian

Beberapa batasan kajian adalah seperti berikut:

- a) Menelusuri ketokohan Imām Ibn Ḥibbān sebagai ilmuwan ḥadīth dalam dunia Islam.
- b) Membahaskan mengenai *al-tadlīs* dan kritikan ahli *nuqqād* terhadap perawi *al-mudallis*.
- c) Membahaskan metodologi Imām Ibn Ḥibbān ketika memasukkan riwayat-riwayat daripada perawi *al-mudallis* dalam ṣaḥīḥnya.
- d) Melakukan analisis terhadap riwayat-riwayat *al-mudallas* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

Berdasarkan perkara yang tersenarai di atas, kajian ini hanya memfokuskan kepada permasalahan *al-tadlīs* sahaja. Justeru, riwayat *al-mudallas* dalam *Kitab Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* adalah fokus utama penulisan ini untuk mengetahui ketepatan syarat oleh Imām Ibn Ḥibbān. Pada kajian ini juga hanya memfokuskan pada 31 riwayat *al-mudallas* yang dikritik oleh Shaykh Naṣir al-Dīn al-Albanī dan Shaykh Shua'yb al-Arna'ūt, kerana kedua-dua tokoh ini telah membuat penilaian secara keseluruhan pada ḥadīth-ḥadīth di dalam kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

1.8 Kajian Terdahulu

Setelah meninjau kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan kajian yang akan dihasilkan. Subtopik ini akan dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

1.8.1 Kajian Terhadap Isu *Al-Tadlīs*

Perbincangan terhadap isu *al-tadlīs* adalah seperti berikut:

1.8.1.1 Teori *al-Tadlīs* Dalam Ilmu *Muṣṭolah al-Ḥadīth*

Perbincangan ilmu berkaitan istilah *al-tadlīs* dan ḥadīth *al-mudallas* telah lama dibincangkan oleh para ilmuwan ḥadīth. Perkembangan ilmu tersebut adalah seiring dengan perkembangan ilmu *Muṣṭolah al-Ḥadīth*, dan beberapa buah buku telah dikarang untuk membincangkan permasalahan tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa permasalahan *al-tadlīs* ini agak rumit kerana melibatkan beberapa kaedah ilmu ḥadīth.

Subtopik ini akan menyenaraikan kitab yang membincangkan permasalahan *al-tadlīs* dan kelompongan berkenaan *al-mudallas* yang masih belum dikaji dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Antara kitab tersebut adalah seperti berikut:

a) *Al-Muyassar `Ilm Muṣṭolah al-Ḥadīth*

Kitab yang ditulis oleh `Abd al-Mājid al-Ghourī¹⁶ ini membincangkan tentang pembahagian dan pendefinisian *al-tadlīs* secara asas. Namun begitu, perbincangan ini tidak menyentuh secara langsung tentang definisi di sisi Ibn Ḥibbān dan dikaitkan di dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

b) *Al-Mūqīḥah fī `Ilmi Muṣṭolah al-Ḥadīth*

Kitab yang dihasilkan oleh al-Dhahabī¹⁷ ini membincangkan secara umum tentang beberapa istilah dalam pembahagian ḥadīth, seperti *al-mudallas*, *al-musalsal*, *ḥasan*, *ṣaḥīḥ* dan sebagainya. Namun, perbincangan dibuat hanyalah secara umum sahaja untuk memberi gambaran awal terhadap ḥadaīth-ḥadīth berkenaan.

c) *Al-Tadlīs wa al-Mudallisūn Dirāsāt `Āmmah*

Kitab yang membincangkan tentang pembahagian *al-tadlīs* secara asasnya ini telah ditulis oleh `Abd al-Mājid al-Ghourī¹⁸. Kitab yang ditulis oleh seorang tokoh ḥadīth masa kini ini hanya menfokuskan perbahasannya dalam lingkungan pendefinisian, peringkat dan

¹⁶ `Abd al-Mājid al-Ghourī (terj: Muhammad Hazim bin Hussin). (2015) *al-Muyassar `Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Malaysia. Dar al-Shakir. Hlm 143

¹⁷ Sham al-Dīn al-Dhahabī (1992) *Al-Mūqīḥah fī `Ilmi Muṣṭalah al-Ḥadīth*. (Taḥqīq: Abd al-Fattah al-Ghuddah). Cetakan Kedua. Lubnan. Dar al-Bashair al-Islamiyah. Hlm 49.

¹⁸ `Abd al-Mājid al-Ghourī. (2009). *Al-Tadlīs wa al-Mudallisūn Dirāsāt `Āmmah*. Beyrūt. Dār Ibn Kathīr.

pembahagian *al-tadlīs* yang telah dibincangkan oleh ulama ḥadīth terdahulu. Walau bagaimanapun, perbincangan pada kitab berkenaan tidak menyetuh secara langsung metodologi Ibn Ḥibbān pada riwayat *al-mudallas*.

d) *Ulūm al-Ḥadīth Uṣūluhā wa Mu`aṣiruhā*

Buku ini ditulis oleh salah seorang pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu Muḥammad Abū Layth al-Khayr al-Abādī¹⁹. Buku ini mempunyai dua bahagian utama iaitu *dirāyah* dan *riwāyah* yang dibahagikan lagi kepada beberapa pecahan kecil berdasarkan permasalahan ilmu Ḥadīth. Namun, penulis buku ini hanya menyentuh perkara asas berkenaan pengertian *al-mudallas* beserta contoh permasalahan tersebut dalam periwayatan ḥadīth. Penulisan ini tidak menyentuh berkenaan perbincangan para ulama *al-mutaqaddimīn* dan *al-mutaāakhirīn* dalam riwayat *al-mudallas*.

Daripada senarai kitab yang telah diberi, perbincangan yang dikemukakan dalam buku *Muṣṭolaḥ al-Ḥadīth* tersebut hanya berkisarkan tentang gambaran umum berkaitan permasalahan *al-tadlīs* dalam periwayatan ilmu ḥadīth. Walaupun terdapat beberapa buah buku yang mengupas lebih mendalam berkaitan *al-tadlīs*, tetapi kupasan tersebut hanya bersifat teori dan tidak menyentuh riwayat-riwayat *al-mudallas* serta tiada kaitan dengan metodologi yang ditetapkan oleh Imām Ibn Ḥibbān.

¹⁹ Muhammad Abū Laīth al-Khaīr Abādī (2009) *Ulūm al-Ḥadīth Uṣūluhā wa Mu`aṣiruhā*. Malaysia. Dar Shākir. Hlm 174.

Namun begitu, kajian yang dihasilkan ini adalah bersifat teori dan praktikal kerana ia akan mengupas secara lebih terperinci berkenaan definisi *al-tadlīs* pada pandangan Imām Ibn Ḥibbān dan setiap perawi yang dikategorikan sebagai *al-mudallis* oleh Imām Ibn Ḥibbān. Oleh yang demikian, kajian ini juga adalah rentetan daripada penulisan yang terdapat pada kitab *Muṣṭolah al-Ḥadīth* yang dinyatakan sebelum ini.

1.8.1.2 Kajian Praktikal Berkaitan *Al-Tadlīs*

Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat beberapa penulisan yang berkaitan dengan kajian *al-tadlīs* secara praktikal pada kitab-kitab tertentu. Berikut perinciannya:

a) *Riwāyat al-Mudallisīn fī Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Jam`uhā – wa Takhrījūhā – Wa al-Kalāmu `Alaiḥā*

Kajian ini dihasilkan oleh `Awwād Khalaf²⁰. Asalnya kitab ditulis untuk memenuhi keperluan kajian ilmiah penulis pada peringkat Doktor Falsafah di Universiti al-Qarawiyyīn, Maghribi. Kitab ini menjelaskan definisi *al-tadlīs* secara umum sebelum menjelaskan tentang pengertiannya, pembahagiannya dan hukum beramal dengan ḥadīth tersebut.

²⁰ `Awwād Khalaf.(2001) *Riwāyat al-Mudallisīn fī Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Jam`uhā – wa Takhrījūhā – Wa al-Kalāmu `Alaiḥā*. Maghribi. Universiti al-Qarawiyyīn.

Kitab ini menyenaraikan beberapa perawi yang dinilai melakukan *al-tadlīs* dalam *Kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Seiring itu juga, kitab ini turut menamakan beberapa *al-shawāhid* dan *al-mutāba`āt* yang menyokong riwayat-riwayat *al-mudallas* dalam *Kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kajian ini menyimpulkan bahawa Imām al-Bukhārī menepati syarat yang beliau tetapkan dalam pengklasifikasian riwayat perawi *al-mudallis* dalam ṣaḥīḥnya.

b) *Riwāyat al-Mudallisīn fī Ṣaḥīḥ Muslim Jam`uhā – wa Takhrījūhā – wa Kalāmu `Alaiḥā*

Kajian yang ditulis oleh `Awwād Ḥussīn Khalaf²¹ ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kajian peringkat sarjananya di Universiti Kuwait pada tahun 1998. Secara umumnya, kandungan penulisan ini tidak banyak beza dengan penulisan beliau pada peringkat Doktor Falsafah seperti dijelaskan sebelum ini.

Pada awal penulisannya, beliau mengupas tentang biografi Imām Muslim diikuti dengan huraian berkenaan latar belakang *Kitāb Ṣaḥīḥ Muslim* serta huraian tentang *al-tadlīs* secara umum. Di samping itu, beliau menyenaraikan beberapa perawi terkenal dalam meriwayatkan riwayat-riwayat *al-mudallas* dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Muslim*, serta membawakan beberapa *al-shawāhid* dan *al-mutāba`āt* untuk riwayat-riwayat tersebut.

²¹ `Awwād Khalaf. (1998). *Riwāyat al-Mudallisīn fī Ṣaḥīḥ Muslim Jam`uhā – wa Takhrījūhā – wa Kalāmu `Alaiḥā*. Universiti Kuwait. Kuwait

Kedua-dua kajian tersebut adalah bersifat praktikal terhadap riwayat *al-mudallas* dan sangat berguna terhadap *Kitāb Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Kitāb Ṣaḥīḥ Muslim*. Walaupun begitu, kedua-dua penulisan ini tidak menyentuh tentang metodologi Imām Ibn Ḥibbān dalam meriwayatkan ḥadīth-ḥadīth *al-mudallas* dalam ṣaḥīḥnya meskipun *al-tadlīs* disentuh secara umum pada awal kajian tersebut.

Terdapat penjelasan ringkas di dalam kedua-dua kajian yang dihasilkan oleh penulis yang sama ini menyatakan bahawa Ibn Ḥibbān menepati syaratnya berdasarkan kepada beberapa ungkapan yang telah dinyatakan oleh Ibn Ḥibbān²². Namun penilaian berkenaan berbeza dengan *takhrīj* yang dilakukan oleh Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī dan Shaykh Shu`ayb al-Arna`ūt. Daripada perbezaan kesemua tokoh ini mendorong kepada kajian ini dihasilkan.

c) *Ibn Ḥibbān wa Riwāyāt al-Mudallisīn Fī Ṣaḥīḥahu: Shurūṭ wa Ahdāf wa Manhaj*

Penulisan Muhamad Rozaimi bin Ramle dan Sahul Hamid bin Mohamed Maidin ini diterbitkan dalam jurnal Universiti Sultan Azlan Shah²³. Walaupun penulisan berkenaan mengupas pengertian *tadlīs al-isnād*, *tadlīs al-shuyukh* dan *tadlīs al-taswiyāh*, namun perbandingan tidak dibuat dengan definisi *tadlīs al-isnād*, *tadlīs al-shuyukh* dan *tadlīs al-taswiyāh* yang dipegang oleh para ulama ḥadīth lain.

²² Opcit. *Riwāyat al-Mudallisīn fī Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Jam`uhā – wa Takhrījuhā – Wa al-Kalāmu `Alaīhā*. Hlm 30.

²³ Muhammad Rozaimi Ramle Sahul Hamid Mohamed Maidin. *Ibn Ḥibbān wa Riwāyāt al-Mudallisīn Fī Ṣaḥīḥahu: Shurūṭ wa Ahdāf wa Manhaj*. Vol 6 ISSUE 1. (2016). Global Journal al-Thaqafah. ISSN: 2232-0474. E-ISSN: 2232-0482.

Penulisan itu juga hanya menyentuh metodologi asas Ibn Hibbān berhubung riwayat-riwayat daripada perawi *al-mudallis* dalam ṣaḥīḥnya tanpa melihat secara lebih mendalam kepada riwayat-riwayat yang mempunyai *`illah al-tadlīs*. Namun, kajian ini akan mengkaji dengan lebih mendalam ketepatan metodologi Ibn Hibbān ketika berinteraksi dengan riwayat *al-mudallas* yang mempunyai *`illah al-tadlīs* bagi mengenal pasti ketepatan metodologi digunakan oleh beliau.

d) Metode Albānī Dalam Uji Validitas Hadis *al-Mudallas* (Kritikan Atas Kritik Kamarudin Amin)



Penulisan M. Syukrillah ini diterbitkan oleh Institut Agama Islam (IAI)

Muhammadiyah²⁴. Penulisan jurnal ini dihasilkan bagi mengupas tentang perbandingan metodologi al-Albānī dengan Kamarudin Amin dalam menilai sesebuah riwayat *al-mudallas*. Ini kerana dalam jurnal yang diterbitkan ini, penulis menyatakan bahawa terdapat beberapa karya yang diterbitkan menunjukkan Kamarudin Amin banyak mengkritik metod yang digunakan oleh al-Albānī ketika menilai riwayat dari perawi *al-mudallis*. Namun, penulisan jurnal ini tidak menyentuh tentang metodologi Ibn Hibbān ketika menilai riwayat-riwayat *al-mudallis* khususnya dalam ṣaḥīḥnya.

²⁴ M.Syukrillah. *Metode Albani Dalam Uji Validitas Hadis al-Mudallas*. Vol.3 No.2. Oktober 2019. Jurnal Pemikiran Keislaman dan Kemanusiaan. ISSN:2549-8983. E-ISSN:2614-6630



e) *Al-Mursal al-Khafī wa 'Alaqtuhu bin Tadrīs Dirasah Nazariyyāh wa Taṭbiqiyāh 'Alā Marwiyāh al-Ḥasan al-Baṣrī*

Kitab yang dihasilkan oleh Hātim bin 'Arīf Al-'Aūnī²⁵ ini membincangkan tentang perbezaan pandangan para ulama silam berkenaan dengan definisi *al-tadrīs* dan *al-mursal al-khafī*. Selain itu, perbahasan kitab ini menjurus kepada beberapa kajian ḥadīth yang diriwayatkan oleh al-Ḥasan al-Baṣrī dengan lafaz *'an'anah* kerana tidak semua lafaz sedemikian membawa kepada *al-tadrīs*. Walaupun penulisan berkenaan memberi definisi *al-mudallas* pada pandangan Ibn Ḥibbān, tetapi kitab berkenaan tidak mengaitkan secara langsung perawi-perawi *al-mudallas* dalam ṣaḥīḥnya.



1.8.2 Penulisan Berkaitan Metodologi Imām Ibn Ḥibbān

Sebagai seorang sarjana yang sangat terbilang, Imām Ibn Ḥibbān meletakkan beberapa metodologi dalam penulisan. Oleh itu, menjadi sesuatu kemestian untuk mengkaji metodologi Imām Ibn Ḥibbān dalam kajian-kajian yang lepas agar pengulangan dalam fokus kajian tidak berlaku. Terdapat beberapa kajian yang dihasilkan berkenaan karya beliau seperti berikut:

²⁵ Hātim bin 'Arīf Al-'Aūnī (1997) *Al-Mursal al-Khafī wa 'Alaqtuhu bin Tadrīs Dirasah Nazariyyāh wa Taṭbiqiyāh 'Alā Marwiyāh al-Ḥasan al-Baṣrī*. Cetakan Pertama. Arab Saudi. Dar al-Hijrah.



a) *Zawāid*²⁶ Ibn Ḥibbān: *Dirāsah wa Naqd*

Kitab yang ditulis oleh Muḥammad Abū Su'ālik²⁷ ini memulakan perbahasan dengan memperkenalkan Imām Ibn Ḥibbān dari segi pengembaraan ilmiahnya. Kemudian, kupasan diberi tentang kepentingan Kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* serta status ḥadīth *zawāid* yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Walaupun begitu, kajian ini tidak menyentuh riwayat *al-mudallas*, khususnya interaksi Imām Ibn Ḥibbān dengan riwayat-riwayat yang akan dibahaskan dalam kajian ini.

b) *Al-Imām al-Ḥafīẓ Abī Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustī: Faīlusūf al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*

Penulisan oleh Muḥammad Abū Su'aylik²⁸ ini diterbitkan di Damshīq dan mempunyai 208 muka surat. Secara umumnya, tidak banyak beza antara buku ini dengan *Zawāid Ibn Ḥibbān: Dirāsah wa Naqd* kerana kedua-duanya adalah hasil tangan pengarang yang sama.

Perbahasan penulisan ini hanya tertumpu kepada kedudukan *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* serta penilaian para ilmuwan lain terhadap kitab tersebut, tanpa membahaskan berkenaan ḥadīth-ḥadīth *al-mudallas* dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* secara terperinci.

²⁶ Iaitu penulisan yang mengumpulkan ḥadīth-ḥadīth tambahan pada sebahagian kitab ke atas ḥadīth yang terdapat di dalam kitab yang lain. (Lihat: Muḥammad Abū Laīth (2009). *Mu'jam Muṣṭalaḥuh al-Ḥadīth wa 'Ulūmuhu wa Ashharu al-Muṣannafīn Fīhi*. Cetakan Pertama. Jordan. Dar al-Nafas. Hlm 70)

²⁷ Muḥammad Abū Su'aylik. (1989) *Zawāid Ibn Ḥibbān: Dirāsah wa Naqd*. Jordan. Universiti al-Urduniah.

²⁸ Muḥammad Abū Su'aylik (1995). *Al-Imām al-Ḥafīẓ Abī Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustī: Faīlusūf al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Damshiq. Dar al-Qalam.

Malahan jawapan terhadap adakah Imām Ibn Ḥibbān menepati syaratnya, adalah hanya bergantung kepada 3 riwayat yang telah diambil olehnya tanpa mengambil kira metode, syarat dan tujuan beliau memasukkan riwayat itu ke dalam ṣaḥīḥnya. Oleh itu, konteks kajian ini berbeza dengan kajian yang dicadangkan dan bakal mengkaji secara terperinci syarat-syarat yang dijelaskan ataupun sebaliknya.

c) *Manhaj Abī Ḥibbān fī Qabūl al-Riwāyat wa Muqaranatuhu bi Ra'yī al-`Aimmah*

Kajian oleh Mājad Muhammad `Abduh al-Dalālī`ah²⁹ ini hanya menyentuh tentang perbandingan pendapat Imām Ibn Ḥibbān dengan ahli ḥadīth lain, contohnya berkenaan syarat-syarat ḥadīth ṣaḥīḥ dan ḥasan. Imām Ibn Ḥibbān berpendapat ḥadīth ḥasan adalah sebahagian daripada ḥadīth ṣaḥīḥ dan tidak terdapat perbezaan antara kedua-dua jenis ḥadīth ini.

Walau bagaimanapun, ilmuwan ḥadīth lain berpendapat terdapat sedikit perbezaan antara ḥadīth ṣaḥīḥ dengan ḥadīth ḥasan seperti diterangkan dalam kebanyakan buku *Muṣṭolah al-Ḥadīth*. Justeru, kajian ini berbeza dengan kajian yang akan dihasilkan dan bakal memberi fokus secara langsung terhadap riwayat-riwayat *al-mudallas* dalam ṣaḥīḥnya.

²⁹ Mājad Muhammad `Abduh al-Dalālī`ah. (2011). *Manhaj Abī Ḥibbān fī Qabūl al-Riwāyat wa Muqaranatuhu bi Ra'yī al-`Aimmah*.

d) Metodologi Ibn Hībān dan Sumbangannya Terhadap Ilmu Ḥadīth Dalam Kitab *Raūḍah al-‘Uqalā wa Nuzhah al-Fuḍalā’*: Satu Kajian Analisis

Jurnal tulisan Muhammad Rozaimi bin Ramle dan Wahyu Hidayat bin ‘Abdullah³⁰ ini diterbitkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Secara umumnya, jurnal ini mengupas tentang biografi Ibn Hībān dan menghuraikan beberapa sumbangan beliau dalam ilmu ḥadīth. Namun begitu, penulisan ini hanya menyentuh dan mengupas kitab *Raūḍah al-‘Uqalā wa Nuzhah al-Fuḍalā’* sahaja dan tidak menyentuh kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Hībān* yang menjadi kajian utama dalam penulisan ini.

e) *Al-Ḍu‘afā’ ‘Inda Ibn Hībān al-Mukhtalaf Fī Taūthiqihim ‘Inda Ghairihi (Jam’un wa Dirāsah wa Taḥlīl)*

Karya sebanyak 172 halaman ini dihasilkan oleh pensyarah Universiti al-Azhar iaitu Badrīyah Muḥammad Maḥmod Bahnasāwī³¹ yang mengupas tentang metodologi Ibn Hībān ketika menilai perawi *ḍo‘īf* khususnya dalam kitab *al-Majrūḥīn Min al-Muḥadīthīn*. Di samping itu, penulisan ini juga turut mengkaji penilaian dan perbandingan Ibn Hībān dari sudut *al-jarḥ wa al-ta’dīl* terhadap beberapa perawi lain. Namun, penulisan ini tidak membincangkan metodologi Ibn Hībān ketika berinteraksi

³⁰ Muhamad Rozaimi Ramle Wahyu Hidayat Abdullah. *Metodologi Ibn Hībān dan Sumbangannya Terhadap Ilmu Ḥadīs dalam Kitab Rauḍah al-‘Uqalā’ wa Nuzhah al-Fuḍalā’*: Satu Kajian Analisis. Vol 9 No 3 (2017); Perspektif: Jurnal Sains, Sosial dan Kemanusiaan; *Special Issue*. ISSN 1985-496X/Eissn 2462-2435. Hlm 46-54.

³¹ Badrīyah Muḥammad. (2020). *Al-Ḍu‘afā’ ‘Inda Ibn Hībān al-Mukhtalaf Fī Taūthiqihim ‘Inda Ghairihi (Jam’un wa Dirāsah wa Taḥlīl)*. Universiti al-Azhar.

dengan riwayat-riwayat *al-mudallas* dalam *ṣaḥīḥ* beliau khususnya yang mempunyai *ʿillah al-tadlīs*.

f) *Taūthīq al-Majāhīl ʿInda al-Imām Ibn Ḥibbān al-Bustī: Dirāsah Taṭbīqiyyah*

Makalah ini dihasilkan oleh Yunus al-Bay dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk memenuhi keperluan peringkat sarjana³². Secara umumnya, penulisan ini membincangkan tentang metodologi Ibn Ḥibbān ketika menerima perawi-perawi *al-majhūl* khususnya dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Makalah ini membuka sedikit ruang perbincangan dalam membandingkan penerimaan perawi *al-majhūl* di sisi Ibn Ḥibbān dengan para ulama ḥadīth yang lain. Namun, makalah ini tidak menyentuh berkenaan perbincangan riwayat-riwayat *al-mudallīs* oleh Ibn Ḥibbān.

g) *تلاہ Metodologi Penyahihan Ibn Ḥibbān Terhadap Ḥadīth اقروؤا علی موتاکم*

(یس)

Jurnal oleh Noor Ikhsan Silviantoro, Sucipto dan Ikmal³³ ini membincangkan metodologi Ibn Ḥibbān dalam menilai sesebuah ḥadīth. Penulisan ini menyatakan perbezaan metod yang digunakan oleh Ibn Ḥibbān dalam menilai perawi *majhūl*, kerana beliau menthiqahkan perawi tersebut tidak seperti dengan para ulama ḥadīth lain.

³² Yunus al-Bay. (2017). *Taūthīq al-Majāhīl ʿInda al-Imām Ibn Ḥibbān al-Bustī: Dirāsah Taṭbīqiyyah*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

³³ Noor Ikhsan Silviantoro etc all. *Telaah Metodologi Penyahihan Ibn Ḥibbān Terhadap Ḥadīth اقروؤا علی موتاکم* Vol 6. No 2. (2019) Jurnal Dirasat Islamiyah. ISSN 2339-2630. Hlm 81.

Jurnal ini memberi contoh ḥadīth tentang saranan membaca surah Yāsin di sisi orang yang sedang nazak untuk melihat metodologi penilaian perawi oleh Ibn Ḥibbān dalam rangkaian *sanad* ḥadīth tersebut, di mana beliau telah berbeza dalam menilai martabat ḥadīth ini berdasarkan perawi yang terdapat di dalam rangkaian *sanad* tersebut. Namun begitu, jurnal ini tidak menyentuh berkenaan metodologi Ibn Ḥibbān untuk perawi *al-mudallis* dan perbahasan diberi hanya terbatas untuk perawi yang dinilai sebagai *majhūl* sahaja.

1.8.3 Penulisan Berkaitan *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*

Berikut adalah penulisan yang dihasilkan berkaitan *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*:

a) *Manhaj Ibn Ḥibbān fī Mushkil al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥihi*

Kajian yang dihasilkan oleh Ibrāhīm Aḥmad Muḥammad al-'As'as³⁴ ini mengupas metodologi Imām Ibn Ḥibbān ketika berinteraksi dengan ḥadīth-ḥadīth dalam kitabnya yang secara zahir menyanggah ayat-ayat al-Qur'ān dan ḥadīth-ḥadīth lain. Imām Ibn Ḥibbān juga menjelaskan cara untuk menyelaraskan percanggahan tersebut. Pengarang kemudian memberi beberapa contoh ḥadīth untuk memberi gambaran jelas terhadap permasalahan tersebut serta menyatakan pandangan sebilangan ulama bagi merungkaikan permasalahan yang timbul.

³⁴ Ibrāhīm Aḥmad Muḥammad al-'As'as. (1992). *Manhaj Ibn Ḥibbān fī Mushkil al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥihi*. Jordan. Universiti al-Urduniah.

Namun, terdapat jurang antara kajian ini dengan kajian yang akan dihasilkan. Seperti dijelaskan, fokus kajian ini ialah berkenaan riwayat *al-mudallas* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, untuk menilai tahap ketepatan Imām Ibn Ḥibbān dalam mengikuti syarat riwayat *al-mudallas*, iaitu skop kajian yang tidak dibahaskan oleh penulis kitab ini.

b) Ḥadīth Dalam Hegemoni Fiqh: Membandingkan *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* Dengan *Sunan Ibn Mājah*

Penulisan berbentuk jurnal dari Universiti Islam Negeri Sharīf Hidayatullah yang dihasilkan oleh Rifqi Muhammad Fatkhi³⁵ ini membincangkan perbandingan kualiti ḥadīth-ḥadīth fiqh yang terdapat dalam *Sunan Ibn Mājah* serta *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Secara kesimpulannya, jurnal ini mendapati bahawa kualiti ḥadīth yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* lebih tinggi berbanding ḥadīth-ḥadīth yang terdapat dalam *Sunan Ibn Mājah*. Namun begitu, jurnal ini tidak menyentuh tentang riwayat *al-mudallīs* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

c) *Qaḍayā `Ulūm al-Qur`ān Fī Ṣaḥīḥ Imām Ibn Ḥibbān Jam`an wa Dirāsah*

Makalah yang dihasilkan oleh pensyarah Universiti al-Azhar iaitu Muḥammad Aḥmad Maḥmod Shalabī³⁶ ini membahaskan beberapa pandangan Ibn Ḥibbān tentang *ulūm al-*

³⁵ Rifqi Muhammad Fatkhi. *Ḥadīth Dalam Hegemoni Fiqh: Membandingkan Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Dengan Sunan Ibn Mājah*. Vol 1. No 1 (2012). Journal Of Qurān and Ḥadīth Studies. ISSN: 2084-3434, E-ISSN 2252-7060. Hlm 145.

³⁶ Muḥammad Aḥmad Maḥmod Shalabī. (2016). *Qaḍayā `Ulūm al-Qur`ān Fī Ṣaḥīḥ Imām Ibn Ḥibbān Jam`an wa Dirāsah*. Universiti al-Azhar. Mansurah.

Qur`ān* seperti *asbāb al-nuzūl*, *naskh al-Qur`ān dengan *al-sunnah*, permasalahan huruf-huruf tujuh dalam al-Qur`ān, hukum membaca al-Qur`ān dengan bacaan *qiraāt* dan sebagainya. Pengarang makalah ini mengambil pandangan-pandangan berkenaan berdasarkan riwayat-riwayat yang terdapat dalam *ṣaḥīḥnya*. Walaupun penulisan ini menjadikan *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* sebagai sumber utama dalam menghasilkan pandangan Ibn Ḥibbān terhadap isu-isu *ulūm al-Qur`ān* yang dikaji, tetapi perbahasan berkenaan tidak membahaskan mengenai *al-tadlīs* atau hal berkaitan *‘ulūm al-ḥadīth*.

d) The Authentication Of Ḥadīth: Ibn Ḥibbān`s Introduction To His *Ṣaḥīḥ*



Jurnal tulisan Muhammad Fawwaz bin Muhammad Yusof³⁷ ini berkisarkan tentang kitab *ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Dalam jurnal ini, penulis menceritakan tentang biografi Ibn Ḥibbān kemudian membahaskan tentang metodologi kitab *ṣaḥīḥnya*. Penulis mengkaji teori ke*ṣaḥīḥan* ḥadīth pada pandangan Ibn Ḥibbān berdasarkan rangkaian *sanad* yang beliau masukkan ke dalam *ṣaḥīḥnya*. Namun, jurnal ini tidak menfokuskan tentang riwayat-riwayat *al-mudallas* dalam kitab *ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

³⁷ Muhammad Fawwaz. *The Authentication Of Ḥadīth: Ibn Ḥibbān`s Introduction To His Ṣaḥīḥ*. Vol 32. Issue 3. (2020). Al-Masāq; Journal Of The Medieval Mediterranean. ISSN: 0950-3110.

1.9 Metodologi Kajian

Definisi “metode” dalam bahasa Melayu ialah “cara melakukan sesuatu” atau “buku pelajaran kaedah belajar”, manakala metodologi ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam suatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Dalam bahasa Arab moden pula, perkataan yang sama makna ialah *manhaj* yang didefinisikan sebagai “jalan yang nyata (*al-ṭarīq al-wāḍiḥ*)”. Istilah ini selanjutnya digunakan dalam kajian-kajian ḥadīth moden dengan makna yang lebih spesifik.

Menurut Nūr al-Dīn ‘Itir, metode atau *manhaj* ialah “cara-cara (*turūq*) yang dilakukan oleh ahli ḥadīth dalam meriwayatkan dan menyusun ḥadīth, menyebutkan sanad-sanadnya, serta tujuan-tujuan fiqh dan teknikal *sanad* yang mereka isyaratkan³⁸”. Manakala ‘Alī al-Biqā’i³⁹ mendefinisikan *manhaj* sebagai “kaedah-kaedah yang diamalkan oleh ahli ḥadīth dalam meriwayatkan, memberi komen dan menyusun ḥadīth mengikut kriteria-kriteria tertentu”.

Kajian yang baik dapat dihasilkan dengan menggunakan bentuk penyelidikan yang sistematik dan sesuai. Sesuatu projek penyelidikan memerlukan reka bentuk, metode dan prosedur yang sesuai bagi menghasilkan kajian tersebut. Kajian yang dihasilkan ini akan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan fakta,

³⁸ Nūr al-Dīn ‘Itir (2014) *Manahij al-Muḥaddithīn al-‘Ammah fī al-Riwāyah wal al-Taṣnīf*. Mesir: Dar al Salām. Hlm 8.

³⁹ Alī Nayif al-Biqā’i. (2009) *Manāhij al-Muḥaddithīn al-‘Ammah wa al-Khaṣah: al-Ṣinā’ah al-Ḥadīthīyah*. Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah, (2009). Hlm 20.

pernyataan, maklumat, ulasan, serta ciri-ciri berkenaan yang bakal dianalisis menggunakan pelbagai kaedah untuk menjelaskan sesuatu isu.

Penyelidikan kualitatif ialah penyelidikan empirikal yang sumber datanya bukan dalam bentuk nombor. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis setiap ḥadīth *al-mudallas* yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, dan memberi kesimpulan berkenaan ketepatan syarat yang digunakan Imām Ibn Hibbān dalam mengklasifikasikan ḥadīth-ḥadīth *al-mudallas*.

Penyelidikan yang berbentuk kualitatif adalah jenis kajian yang menganalisis fakta serta tidak memerlukan usaha pengiraan untuk mendapatkan statistik, sebagaimana yang diperlukan oleh penyelidikan berbentuk kuantitatif⁴⁰. Penyelidikan kualitatif lebih tertumpu kepada perbincangan terhadap isi kandungan dan maksud data⁴¹. Kajian ini akan mempraktikkan dua metode utama iaitu pengumpulan data dan analisis data.

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data ialah proses mendapatkan maklumat dan fakta secara tepat dari sudut objektif. Kajian ini mengaplikasikan metode dokumentasi bagi mengumpulkan data berkaitan. Melalui metode tersebut, kajian ini menganalisis dokumen yang berkaitan

⁴⁰ Soetandyo Wignjosoebroto, (1991). "*Pengolahan dan Analisis Data*" dalam Koentjaraningrat, ed, *Metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T. Gramedia. Hlm 269

⁴¹ Sidi Gazalba. (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. Hlm 128.

dengan *al-tadlīs* menurut pandangan para ulama silam serta kritikan para ulama terhadap para perawi *al-mudallis* yang dinilai oleh Ibn Ḥibbān. Selain itu, metode dokumentasi turut digunakan untuk mencari ketepatan metodologi Ibn Ḥibbān dengan cara menilai kembali ḥadīth-ḥadīth yang mempunyai *ʿillah al-tadlīs* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* menggunakan kaedah *takhrīj*.

a) Metode Kajian Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan merupakan kaedah utama yang diaplikasikan dalam usaha mendapatkan maklumat dan informasi yang berkaitan dengan tajuk kajian. Ini meliputi aspek latar kehidupan Imām Ibn Ḥibbān, metodologi penulisan *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* dan pengertian *al-tadlīs* menurut pandangan Imām Ibn Ḥibbān serta para ulama *al-mutaqadimīn* dan *al-mutaʿākhirīn*. Tujuan kajian perpustakaan ataupun *library research* adalah untuk mendapatkan maklumat dan data daripada sumber berbentuk dokumentasi seperti buku, hasil kajian lepas, tesis, disertasi, jurnal, kamus dan laman sesawang.

Dalam proses penghasilan kajian ini, beberapa metodologi digunakan, khususnya metodologi yang kurang digunakan oleh kajian lepas iaitu dalam mengaplikasikan kaedah *takhrīj* secara *mufaṣṣal*. Dalam penentuan subjek, kajian ini juga melihat dan meneliti beberapa penulisan dan topik yang berkaitan dengan tajuk yang akan dihasilkan serta kajian ilmiah terdahulu. Kajian ini mengkaji metodologi yang digunakan oleh Imām Ibn Ḥibbān untuk mengambil riwayat perawi *al-mudallis* yang mempunyai hubung kait

secara langsung dengan syarat yang beliau tetapkan di mukadimah ketiga-tiga kitabnya.

Kajian ini akan merujuk kepada kamus, ensiklopedia, tesis, artikel, jurnal dan bahan bacaan yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Antara perpustakaan yang dirujuk oleh kajian ini termasuk Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris; Perpustakaan Utama, Universiti Malaya; Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia; dan Perpustakaan Utama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

b) Sumber Data

Sumber utama atau primer data adalah daripada kitab ḥadīth yang utama iaitu *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Kitab tulisan Imām Ibn Ḥibbān ini melalui beberapa fasa penambahbaikan untuk memudahkan para pembaca memahami metodologi kitab ini secara umum. Usaha penambahbaikan tersebut dimulakan oleh `Alā al-Dīn `Alī bin Balbān, sebelum diteruskan oleh beberapa tokoh lain antaranya Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī dan Shaykh Shu`ayb al-Arna`ūt.

Untuk mengetahui penilaian yang diberikan oleh Imām Ibn Ḥibbān terhadap perawi *al-mudallis* dan *al-tadlīs*, maka *Kitāb al-Thiqāt* dan *Kitāb al-Majruḥīn min al-Muḥaddithīn* digunakan sebagai rujukan sekunder. Buku lain seperti *Muṣṭolah al-Ḥadīth*

juga turut dirujuk untuk mendapatkan definisi *al-tadlīs* pada pandangan para ulama *al-mutaqadimīn* serta *al-muta`āakhirīn*.

c) Metode Penentuan Kajian

Metode penentuan kajian yang digunakan adalah mengkaji *sanad* ḥadīth, iaitu mengkaji kecacatan daripada sudut *al-mudallas*. Tema kajian ini ialah analisis riwayat perawi *al-mudallisīn* dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Riwayat-riwayat yang berkaitan dianalisis secara kritis daripada aspek *sanad* untuk menentukan sama ada Imām Ibn Ḥibbān menepati syarat yang ditetapkannya atau sebaliknya. Segala data yang dikumpul perlu dikaji dan dianalisis untuk menghasilkan kajian yang baik. Kajian ini umumnya merupakan kajian berbentuk kualitatif. Kajian ini akan mengkaji riwayat-riwayat yang mempunyai *`illah al-tadlīs* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* bagi mengenal pasti ketepatan metodologi yang digunakan

1.9.2 Metode Menganalisis Data

Maklumat yang terkumpul akan disaring dan dianalisis dengan menggunakan metode berikut:



a) Metode Sejarah

Penggunaan metode sejarah dalam kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan data dan fakta berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Kajian ini akan mengaplikasikan metode ini dalam Bab Dua untuk tajuk “Imām Ibn Ḥibbān Dan *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*” untuk mengupas tentang biografi Imām Ibn Ḥibbān, sejarah kehidupannya, ketokohnya serta latar belakang *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* yang menjadi sumber primer kajian ini. Di samping itu, subtopik “*al-Mudallisīn* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*” dalam Bab 3 turut mengaplikasikan metode berkenaan dengan mengupas tentang biografi para perawi *al-mudallis* pada pandangan Ibn Ḥibbān.



b) Metode Diskriptif

Kajian ini akan menggunakan metode diskriptif untuk menggambarkan atau menganalisis suatu hasil penelitian, meskipun metode ini tidak boleh digunakan untuk membuat kesimpulan yang meluas. Kajian ini akan mengaplikasikan metode berkenaan ketika menghuraikan perbezaan pengertian *al-mudallas* pada pandangan para ulama *al-mutaqaddimīn* serta *muta`āakhirīn*.



c) Metode Komparatif

Metode komparatif ialah proses membuat kesimpulan dengan cara membandingkan segala fakta dan data terkumpul untuk membuat kesimpulan yang menyeluruh. Bagi mengaplikasikan metode berikut, kajian ini akan menilai fakta yang diberikan oleh Imām Ibn Ḥibbān berkaitan penilaian perawi *al-mudallis* yang telah diberikan kepada para perawi yang terdapat dalam *Kitāb al-Thiqāt* dan *al-Majruḥīn min al-Muḥaddithīn*. Penilaian ini akan dibandingkan dengan penilaian dibuat oleh ulama lain terhadap perawi tersebut. Selain itu, metode ini akan diaplikasikan dalam subtopik “*al-Mudallisīn* dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*” di bawah tajuk pandangan Ibn Ḥibbān.

Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis pandangan Imām Ibn Ḥibbān terhadap definisi *al-tadlīs* dan membuat perbandingan dengan pandangan para ulama *al-mutaqadimīn* serta *al-muta`ākhirīn*. Berdasarkan fakta terkumpul, kesimpulan akan dibuat dengan cara membandingkan penilaian dan kritikan yang diberi oleh Imām Ibn Ḥibbān serta ahli *nuqqād* lain. Kaedah ini akan dipraktikkan dalam Bab 3 di bawah subtopik “*al-Tadlīs Menurut Pandangan Imām Ibn Ḥibbān*”.

d) Metode Induktif

Metode induktif merupakan proses membuat kesimpulan umum menggunakan maklumat khusus. Metode ini bermaksud proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian



sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta atau maklumat yang bersifat khusus⁴². Idris Awang berpandangan metode induktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan menganalisis maklumat dan informasi yang bersifat khusus atau terperinci untuk sampai kepada suatu kenyataan yang umum⁴³.

Bab 4 kajian ini akan merumuskan syarat dan metodologi Imām Ibn Ḥibbān berdasarkan penelitian riwayat perawi *al-mudallis* dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Riwayat-riwayat ini akan dianalisis secara induktif untuk merumuskan metodologi Imām Ibn Ḥibbān ketika berinteraksi dengan riwayat perawi *al-mudallisīn*.



d) Metode Deduktif



Metode deduktif ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Metode deduktif ialah bentuk pola berfikir melibatkan pembuktian pernyataan atau hal yang bersifat umum menggunakan hujah atau dalil yang bersifat khusus. Metode ini mengemukakan suatu pernyataan dan memberi bukti yang boleh dijadikan hujah dan panduan untuk masalah yang dikaji. Proses deduktif membuat kesimpulan atau rumusan berdasarkan fakta sedia ada.

⁴² Sidek Mohd Noah(2002). *Reka Bentuk Penyelidikan:Falsafah Teori dan Praktis*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Hlm 6.

⁴³ Idris Awang. (2001). *Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan*. Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Hlm 82.






Metode ini akan digunakan dalam menganalisis ḥadīth-ḥadīth melalui kaedah *takhrīj*. Kaedah *takhrīj* yang digunakan ialah kaedah *mufaṣṣal* untuk 31 riwayat yang mempunyai jalur *`an`anah*. Kaedah yang dipraktikkan dalam Bab 5 kajian ini akan dapat mengenal pasti sama ada Ibn Ḥibbān menepati syarat yang ditetapkan olehnya atau sebaliknya.



1.10 Kerangka Konseptual



Kerangka Konseptual Kajian adalah satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan peringkat-peringkat atau fasa-fasa dalam kajian. Berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian di atas, secara umum ia dapat menjelaskan kerangka kajian pada penulisan ini. Kajian ini bermula pada bab pertama di bawah tajuk “Pengenalan” yang menerangkan latar belakang kajian dan permasalahan kajian. Kemudian pada bab kedua di bawah tajuk “Imām Ibn Ḥibbān dan *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*” menceritakan biografi Imām Ibn Ḥibbān dan juga metodologi penulisan kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.

Manakala pada bab ketiga pada tajuk “*al-Tadlīs dan al-Mudallisīn Di Sisi Ibn Ḥibbān*”, kajian ini membahaskan pengertian *al-tadlīs* di sisi para ulama ḥadīth dan juga pengertian yang dipengang oleh Ibn Ḥibbān. Selain itu, pada bab ini juga akan menerangkan kritikan para ulama ḥadīth pada perawi *al-mudallis* yang dinilai oleh Ibn Ḥibbān. Pada bab keempat pada tajuk, “Metodologi Imām Ibn Ḥibbān Meriwayatkan Riwayat Perawi *al-Mudallis*” kajian ini akan menelusuri metodologi Ibn Ḥibbān ketika beliau memasukkan riwayat daripada perawi *al-mudallis*.

Pada bab kelima di bawah tajuk “Analisis Ḥadīth-Ḥadīth Yang Dinilai *al-Mudallas* Di dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*” kajian ini akan mengalisis 31 riwayat yang mempunyai *illah al-tadlīs*. Hasil daripada analisis yang dilakukan mendapati terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan Ibn Ḥibbān telah menepati syaratnya dan terdapat juga sebahagian riwayat yang menunjukkan beliau tidak menepati syaratnya dengan

memasukkan riwayat-riwayat *al-mudallas* di dalam *ṣaḥīḥ*nya. Kemudian pada bab 6, kajian ini telah memberi beberapa saranan hasil daripada kajian yang dilakukan.

1.11 Kesimpulan

Kajian yang bakal dihasilkan ini menggariskan metodologi yang jelas bagi menyelidik data berkaitan dengan riwayat perawi *al-mudallis* untuk memastikan keabsahan dapatan kajian, khususnya dalam bidang ilmu ḥadīth. Bab ini telah menghuraikan penggunaan metode kualitatif oleh kajian ini untuk mencari penyelesaian terhadap permasalahan berkaitan riwayat perawi *al-mudallis* oleh Imām Ibn Ḥibbān dalam *Kitāb Ṣaḥīḥ Ibn*